

## BAB 3

### PERBANDINGAN KONSONAN ANTARA BAHASA MELAYU BAKU DENGAN SUBDIALEK PERAK

#### 3.0 Pengenalan

Bunyi-bunyi bahasa yang bertentangan dengan bunyi vokal dari segi sifat-sifat yang didengar dan cara penghasilannya disebut sebagai bunyi-bunyi konsonan. Gleason dalam *An Introduction to Descriptive Linguistics* mengatakan bunyi konsonan adalah bunyi bahasa yang dihasilkan oleh sekatan atau sempitan di dalam rongga mulut.

Manakala Arbak Othman (1986: 61) mentakrifkan bunyi-bunyi konsonan sebagai segolongan bunyi-bunyi bahasa yang terhasil sama ada oleh sekatan atau sempitan yang terjadi sebagai akibat hubungan di antara artikulator dan daerah artikulasi yang tertentu di dalam rongga mulut. Dalam dialek Perak dan bahasa Melayu baku terdapat 19 fonem konsonan.

### Jadual 13

#### Perbandingan Sistem Konsonan Antara Dialek Perak Dengan Bahasa Melayu Baku

Cara Sebutan	Bahasa Melayu Baku	Dialek Perak
Letupan	p b t d k g ?	p b t d k g ?
Geseran	s h	s h χ
Getaran	r	χ
Letusan	č j	č j
Sisian	l	l
Sengauan	m n ŋ ɳ	m n ŋ ɳ
Separuh Vokal	w j	w j

### Jadual 14

#### Cara Penghasilan Bunyi-Bunyi Konsonan

		Daerah Penyebutan					
Cara Penyebutan		Dua Bibir	Gusi	Gusi Lelangit Keras	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Glotis
Letupan	Tak Bersuara	p	t			k	?
Letupan	Bersuara	b	d			g	
Letusan	Tak Bersuara			č			
Letusan	Bersuara			ǰ			
Geseran	Tak Bersuara		s				h
Geseran	Bersuara					χ	
Getaran	Bersuara		r				
Sisian			l				
Senguanan	m	n			ŋ	ŋ	
Separuh	w				j		
Vokal							

Berdasarkan kedua-dua jadual di atas dapat kita lihat bahawa meskipun bahasa Melayu baku dan dialek Perak mempunyai jumlah konsonan yang sama iaitu 19 tetapi konsonan /r/ tiada dalam dialek Perak. Sebaliknya bunyi /r/ dalam sebutan baku digantikan dengan bunyi /v/ dalam dialek Perak.

### 3.1 Konsonan Letupan/Hentian

Bunyi-bunyi konsonan ini dihasilkan dengan cara merapatkan alat artikulasi kepada mana-mana daerah sebutan. Dengan itu jalan udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut akan tersekat. Kemudiannya ia dilepaskan dengan serta-merta supaya terhasilnya suatu bunyi yang dicirikan oleh letupan. Bunyi hentian bererti jalan udara terhenti atau terhenti sebentar seperti menghasilkan bunyi : /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, dan /?.

### 3.1.1 Konsonan Letupan Dua Bibir Tak Bersuara [ p ]

Letupan [ p ] ini sama seperti letupan dua bibir tak bersuara yang terdapat dalam sebutan baku. Ia dihasilkan apabila dua bibir dirapatkan dan lelangit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak. Udara dikeluarkan dari paru-paru melalui rongga mulut dan ia tersekat di bahagian belakang rapatan dua bibir. Kemudian udara ini dilepaskan dengan serta-merta tanpa menggetarkan pita suara.

### Jadual 15

#### Sebutan Konsonan [ p ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘pintal’	⇒ [pinte]
	‘puntung’	⇒ [punton]
Tengah	‘apa’	⇒ [apə]
	‘lupa’	⇒ [lupə]
Akhir	‘siap’	⇒ [siap]
	‘lenyap’	⇒ [lənap]

#### 3.1.2 Konsonan Letupan Dua Bibir Bersuara [ b ]

Cara menghasilkan letupan dua bibir bersuara ini sama dengan cara menerbitkan letupan dua bibir tak bersuara kecuali sewaktu melepaskan udara, pita suara digetarkan. Penyebutannya sama dengan sebutan baku.

### Jadual 16

#### Sebutan Konsonan [ b ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘bising’	⇒ [bisen]
	‘besar’	⇒ [besə̯]
Tengah	‘abu’	⇒ [abu]
	‘ubi’	⇒ [ubi]
Akhir	‘bab’	⇒ [bab]
	‘sebab’	⇒ [səbab]

#### 3.1.3 Konsonan Letupan Gusi Tak Bersuara [ t ]

Konsonan ini dihasilkan dengan menaikkan lelangit lembut rapat kepada belakang rongga tekak. Udara yang dikeluarkan dari paru-paru tersekat pada pertemuan di antara hujung lidah dengan gusi sebelah atas. Ia kemudian dilepaskan serta-merta tanpa menggetarkan pita suara.

### Jadual 17

#### Sebutan Konsonan [ t ] Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘tidur’	⇒ [tidɔ̃]
	‘tempoyak’	⇒ [tempɔ̃ jaʔ]
Tengah	‘petai’	⇒ [pɛtɔ̃]
	‘ketat’	⇒ [kɛtɔ̃t]
Akhir	‘pahit’	⇒ [paet]
	‘duit’	⇒ [duct]

#### 3.1.4 Konsonan Letupan Gusi Bersuara [ d ]

Cara menerbitkan letupan gusi ini sama dengan cara menerbitkan letupan gusi tak bersuara kecuali sewaktu menghasilkannya pita suara digetarkan. Apabila pita suara digetarkan terhasillah bunyi [ d ].

Jadual 18Sebutan Konsonan [ d ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘dedah’	⇒ [hədəh]
	dendang’	⇒ [dəndəŋ]
Tengah	‘ada’	⇒ [adə]
	‘uda’	⇒ [udə]
Akhir	‘abad’	⇒ [abad]
	‘ahad’	⇒ [ahad]

## 3.1.5 Konsonan Letupan Lelangit Lembut Tak Bersuara [ k ]

Konsonan ini dihasilkan apabila lelangit lembut dinaikkan rapat kepada belakang lidah. Udara yang keluar dari paru-paru tersekat pada pertemuan lidah dengan lelangit lembut dan kemudiannya dilepaskan dengan serta-merta. Pita suara tidak digetarkan.

### Jadual 19

#### Sebutan Konsonan [ k ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	'karut'	⇒ [ka <small>χ</small> ot]
	'kurang'	⇒ [ko <small>χ</small> an]
Tengah	'akar'	⇒ [akɔ̃]
	'pangkor'	⇒ [pankɔ̃]

#### 3.1.6 Konsonan Letupan Lelangit Lembut Bersuara [ g ]

Cara menerbitkan letupan lelangit lembut ini sama dengan cara menerbitkan letupan lelangit lembut tak bersuara kecuali tatkala melepaskan sekatan udara pita suara digetarkan. Penyebutan dan penyebarannya adalah sama dengan sebutan baku. Penyebarannya dalam perkataan pun adalah sama kecuali pada satu kedudukan iaitu di akhir perkataan sebagai penutup suku kata. Contohnya seperti kata :

garing - [gaχen]

Bunyi [ g ] tidak pernah hadir sebagai penutup suku kata, sebaliknya ia digantikan dengan [ n ]. Inilah kekecualian yang terdapat padanya berbanding dengan penyebarannya dalam sebutan baku.

Dalam sebutan baku bunyi [ g ] sebagai penutup suku kata terdapat pada kata pinjaman [beg]. Tetapi perkataan ini disebut [bet] dalam dialek Perak, iaitu tempat [ g ], itu digantikan dengan [ t ].

### Jadual 20

#### Sebutan Konsonan [ g ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘gandum’	⇒ [gandom]
	‘gentar’	⇒ [gəntə]
Tengah	‘sugi’	⇒ [sugi]
	‘keagungan’	⇒ [kə?agonan]
Akhir	‘goncang’	⇒ [gɔncang]
	‘goyang’	⇒ [gojan]

#### 3.1.7 Konsonan Letupan Glotis [ ? ]

Konsonan ini dihasilkan dengan cara pita suara dirapatkan serapai-rapatnya, anak tekak dinaikkan dan udara dari paru-paru dibiarkan tersekat di bahagian belakang rapatan pita suara itu. Kemudian sekatan udara itu dilepaskan serta-merta tanpa menggetarkan pita suara. Penyebutan dan penyebarannya adalah sama dengan sebutan baku. Biasanya letupan glotis

[?] menjadi penutup suku kata tetapi dalam penyebutan tertentu ia hadir pada kedudukan lain. Dalam sebutan [kθada?an], pola yang diduduki oleh [?] adalah KVK tetapi sekaligus ia juga berfungsi sebagai penutup suku kata.

### Jadual 21

#### Sebutan Konsonan [?] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Awal	'anak'	⇒	[?ano?]
	'itik'	⇒	[?ite?]
Tengah	'maktab'	⇒	[ma?tap]
	'jaafar'	⇒	[ja?po]
Akhir	'katak'	⇒	[katɔ?]
	'ambil'	⇒	[ambe?]

### 3.2 Konsonan Geseran

Bunyi geseran dihasilkan dengan menyempitkan rongga aliran udara sewaktu melalui rongga mulut. Lelangit lembut dirapatkan ke dinding belakang kerongkong dan udara keluar melalui rongga mulut. Penyempitan ini menyebabkan udara dari paru-paru itu keluar dengan cara bergeser, lalu terhasilah bunyi / s /, / h / dan / χ /. Bunyi geseran ini boleh bersuara dan tak bersuara.

#### 3.2.1 Konsonan Geseran Gusi Tak Bersuara [ s ]

Konsonan ini dihasilkan apabila daun lidah didekatkan pada daerah gusi supaya dapat membuat halangan untuk udara keluar. Lelangit lembut dinaikkan ke atas untuk menyekat perjalanan udara ke rongga hidung, lidah dirapatkan pada gusi tetapi tidak menyekat aliran udara. Udara dari paru-paru keluar dengan cara bergeser. Pita suara tidak bergetar dan terhasilah bunyi [ s ].

Dalam dialek Parit konsonan [ s ] tidak hadir sebagai penutup suku kata dalam satu suku kata atau sebagai penutup suku kata dalam suku kata akhir perkataan. Pada kedudukan ini, geseran [ s ] digantikan dengan [ h ] (Raja Mukhtaruddin, 1986: 30). Keadaan ini tidak berlaku dalam sebutan baku kerana sebutan [ s ] masih dikekalkan sebagai penutup suku kata.

### Jadual 22

#### Sebutan Konsonan [ s ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘sampai’	⇒ [sampɛ]
	‘sempit’	⇒ [səmpɛt]
Tengah	‘kasar’	⇒ [kasɔ̄]
	‘susu’	⇒ [susu]
Akhir	‘ganas’	⇒ [ganeh]
	‘luas’	⇒ [luɛh]

### 3.2.3 Konsonan Geseran Glotis Tak Bersuara [ h ]

Konsonan ini dihasilkan apabila pita suara disempitkan dan menyebabkan udara keluar di antara pita suara dengan cara bergeser. Oleh sebab penghasilan geseran ini melibatkan pita suara maka tidak dapat dikatakan sama ada ia bersuara atau tidak.

Jadual 23

Sebutan Konsonan [ h ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘hal’	⇒ [hε]
	‘hamput’	⇒ [hampot]
Tengah	‘faham’	⇒ [paham]
	‘mahal’	⇒ [mahε]
Akhir	‘tuah’	⇒ [tuɔh]
	‘buas’	⇒ [buεh]

### 3.2.4 Konsonan Geseran Lelangit Lembut Bersuara [χ]

Konsonan ini dihasilkan apabila belakang lidah dikenakan pada gusi. Lelangit lembut dinaikkan rapat pada belakang rongga tekak. Udara dikeluarkan dari paru-paru melalui rongga mulut dan menggetarkan hujung lidah yang diangkat ke arah gusi atas. Pita suara digetarkan.

Bunyi [χ] menggantikan [r] standard dalam perkataan-perkataan bukan pinjaman pada akhir sebutan. [or], [ar] dan [er] yang berada di akhir sebutan digantikan dengan [ɔ] dalam sebutan dialek Perak, contohnya dalam kata-kata berikut:

‘air’	-	[ ajo ]
‘pagar’	-	[ pago ]
‘luntur’	-	[ lunto ]

### Jadual 24

#### Sebutan Konsonan [χ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Perak	
Awal	'risau'	⇒ [χɪsoʊ]
	'ramai'	⇒ [χəmeɪ]
Tengah	'barang'	⇒ [baχəŋ]
	'kering'	⇒ [keχəŋ]
Akhir	'baligh'	⇒ [baleyχ]
	'tabligh'	⇒ [tableyχ]

### 3.3 Konsonan Letusan

Konsonan letusan dihasilkan dengan cara yang hampir sama dengan letupan tetapi letusan ini tertahan untuk beberapa ketika kemudian baru dilepaskan dengan perlahan dan tidak dengan serta-merta seperti dalam menghasilkan letupan. Bunyi yang dihasilkannya ialah: /č/ dan /j/.

### 3.3.1 Konsonan Letusan Gusi – Lelangit Keras Tak Bersuara [ č ]

Konsonan ini dihasilkan apabila lclangit lembut dinaikkan rapat pada belakang anak tekak. Ini bertujuan menyekat perjalanan udara ke rongga hidung. Depan lidah dikenakan pada lelangit keras untuk menyekat perjalanan udara dari paru-paru. Udara yang tersekat itu kemudian dilepaskan dengan perlahan sedikit daripada cara menghasilkan letupan. Letusan gusi – lelangit tak bersuara [ č ] dalam dialek Perak ini adalah sama dengan sebutan baku.

Bunyi [ č ] ini hadir di akhir perkataan sebagai penutup suku kata hanya dalam perkataan-perkataan pinjaman seperti :

koc - [koč]

Mac - [mač]

Jadual 25Sebutan Konsonan [č] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit		
Awal	'comel'	⇒	[čomɛ]
	'cuba'	⇒	[čɛ]
Tengah	'lancar'	⇒	[lančɔ]
	'bocor'	⇒	[bočɔ]
Akhir	'mac'	⇒	[mač]
	'koc'	⇒	[koč]

## 3.3.2 Konsonan Letusan Gusi – Lelangit Bersuara [j]

Cara menerbitkan letusan lelangit keras-gusi bersuara adalah sama dengan cara menerbitkan letusan lelangit keras gusi tak bersuara. Cuma perbezaannya ialah tatkala melepaskan sekatan udara itu, pita suara digetarkan.

### Jadual 26

#### Sebutan Konsonan [j] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	'jenuh'	⇒ [jənəh]
	'juz'	⇒ [joih]
Tengah	'ajar'	⇒ [aɔ̯ɔ̯]
	'bujur'	⇒ [buɔ̯ɔ̯]
Akhir	'mikraj'	⇒ [meʔraʃ]
	'al-haj'	⇒ [al-haj]

#### 3.4 Konsonan Sisian

Bunyi konsonan ini dihasilkan dengan mengeluarkan udara dari kiri dan kanan lidah dalam rongga mulut. Ada satu bunyi sisian dalam bahasa Melayu dan dialek Perak iaitu [l].

### 3.4.1 Konsonan Sisian Gusi Bersuara [l]

Konsonan ini dihasilkan apabila hujung lidah dikcnakan pada bahagian tengah gusi. Lelangit lembut dinaikkan supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung. Udara hanya dapat keluar melalui kiri dan kanan tepi lidah. Apabila pita suara digetarkan, ia menimbulkan sisian gusi nipis iaitu bunyi [l].

Terdapat perbezaan bagi sisian [l] antara dialek Perak dengan sebutan bahasa Melayu baku iaitu dari segi penyeputan sebagai penutup sukukata. Bunyi [l] dalam dialek Perak ada kalanya ditinggalkan atau digantikan dengan bunyi [oi] atau [?].

### Jadual 27

#### Sebutan Konsonan [l] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	'lah'	⇒ [la]
	'habis'	⇒ [leboh]
Tengah	'kuala'	⇒ [kualə]
	'kelompok'	⇒ [kələmɒpɔ?]
Akhir	'tahlil'	⇒ [tahle]
	'kumpul'	⇒ [kumpoi]
	'ambil'	⇒ [ambe?]

### 3.5 Konsonan Sengauan

Konsonan sengauan dihasilkan dengan cara yang hampir sama dengan letupan tetapi lelangit lembut diturunkan untuk membolehkan udara keluar melalui rongga hidung. Ini menghasilkan bunyi sengauan seperti / m /, / n /, / ŋ / dan / ɳ /. Semua bunyi sengauan adalah bersuara.

### 3.5.1 Konsonan Sengauan Dua Bibir Bersuara [ m ]

Konsonan dihasilkan apabila kedua-dua bibir dirapatkan dan lelangit lembut diturunkan ke bawah untuk membuka ruang perjalanan udara ke rongga hidung. Pita suara digetarkan dan terhasilah bunyi [ m ].

#### Jadual 28

#### Sebutan Konsonan [ m ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘mawar’	⇒ [mawɔ]
	‘mamah’	⇒ [mamɔ]
Tengah	‘kumur’	⇒ [kumɔ]
	‘mereka’	⇒ [demɔ]
Akhir	‘suam’	⇒ [suam]
	‘diam’	⇒ [diam]

### 3.5.2 Konsonan Sengau Gusi Bersuara [ n ]

Konsonan ini dihasilkan apabila hujung lidah dirapatkan pada gusi dan lelangit lembut dalam keadaan biasa yakni tidak dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak. Udara boleh keluar melalui rongga hidung dan pita suara digetarkan.

#### Jadual 29

#### Sebutan Konsonan [ n ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit
Awal	‘menoreh’ ⇒ [hənɔuŋ]
	‘nampak’ ⇒ [nampɔʔ?]
Tengah	‘seronok’ ⇒ [ənɔcəs?]
	‘benar’ ⇒ [bənɔŋ]
Akhir	‘menenun’ ⇒ [nənɔn]
	‘elaun’ ⇒ [əlaʊŋ]

### 3.5.3 Konsonan Sengau Lelangit Keras – Gusi Bersuara [ p ]

Konsonan ini dihasilkan apabila bahagian depan lidah dirapatkan pada lelangit keras dan lelangit lembut diturunkan dengan itu udara keluar melalui rongga hidung. Pita suara digetarkan. Ia hadir di bahagian awal dan tengah perkataan sahaja.

Jadual 30

Sebutan Konsonan [ p ] Dalam Dialek Parit

Dialek Parit			
Awal	‘nyiur’	⇒	[no]
	‘nyonya’	⇒	[na]
Tengah	‘banyak’	⇒	[baŋo?]
	‘lenyap’	⇒	[lənap]

### 3.5.4 Konsonan Sengau Lelangit Lembut Bersuara [ŋ]

Konsonan ini dihasilkan apabila bahagian belakang lidah diangkat supaya kena pada lelangit lembut, ketika itu lelangit lembut diturunkan. Udara dikeluarkan dari paru-paru terus melalui rongga hidung dan pita suara digetarkan. Bunyi [ing] di akhir kata sebutan bahasa Melayu baku digantikan dengan [en] dalam dialek Perak. Contoh-contohnya adalah :

‘baring’ - [baŋen]

‘pening’ - [pəŋen]

### Jadual 31

#### Sebutan Konsonan [ŋ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘mengarut’	⇒ [ŋaYot]
	‘mengumpul’	⇒ [ŋompoi]
Tengah	‘sungut’	⇒ [sunot]
	‘dengar’	⇒ [deŋo]
Akhir	‘laung’	⇒ [laon]
	‘buang’	⇒ [buang]

### 3.6 Konsonan Separuh Vokal

Separuh vokal ini bermaksud bunyi vokal yang tidak selesai. Kadang-kadang ia juga dipanggil separuh konsonan. Ia tidak dapat dipanggil vokal penuh kerana dalam vokal penuh tidak terdapat arus udara yang diganggu. Sewaktu membunyikannya kedudukan lidah dalam mulut sama seperti menghasilkan bunyi vokal tetapi ini hanya sebentar sahaja kerana kemudiannya kedudukan lidah akan berubah.

### 3.6.1 Konsonan separuh vokal dua bibir bersuara [ w ]

Konsonan ini dihasilkan apabila dua bibir dibundarkan hampir-hampir tertutup. Manakala lelangit lembut diangkat ke bahagian rongga tekak. Belakang lidah diangkat supaya berdekatan dengan lelangit lembut. Ruang yang terbuka di antara kedua-dua rahang adalah antara sempit dan luas. Kedudukan lidah hampir-hampir sama dengan kedudukan lidah tatkala membunyikan vokal belakang sempit. Selepas itu lidah dengan pantas digeluncurkan ke arah membunyikan vokal [ a ]. Ia hadir di bahagian awal dan tengah perkataan.

### Jadual 32

#### Sebutan Konsonan [ w ] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit	
Awal	‘wayang’	⇒ [wajan]
	‘waja’	⇒ [wajə]
Tengah	‘kahwin’	⇒ [kawen]
	‘tawar’	⇒ [tawə]

#### 3.6.2 Konsonan Separuh Vokal Lelangit Keras Bersuara [ j ]

Konsonan ini dihasilkan apabila belakang lidah diangkat supaya menghampiri lelangit keras. Bibir dihamparkan. Kemudian dengan cepat digeluncurkan lidah ke arah kedudukan untuk menerbitkan vokal tengah [ e ]. Ruang yang terbuka antara rahang adalah sempit. Pita suara digetarkan. Ia hadir di bahagian awal dan tengah perkataan.

Jadual 33Sebutan Konsonan [j] Dalam Dialek Parit

Lingkungan Perkataan	Dialek Parit
Awal	'ya' $\Rightarrow$ [jə]
	'biar' $\Rightarrow$ [çə]
Tengah	'payung' $\Rightarrow$ [pajon]
	'air' $\Rightarrow$ [açə]

Kesimpulannya, sistem konsonan dialek Perak mempengaruhi penyebutan dalam penguasaan bahasa Melayu juga sangat jelas kesannya. Malahan terdapat beberapa konsonan bahasa Melayu baku yang seolah-olah tiada dalam dialek Perak seperti konsonan / r /. Ini disebabkan penggantian dengan konsonan yang terdekat mengikut kebiasaan lidah dialek Perak. Pengaruh ini seterusnya menguasai bentuk sebutan tersebut keseluruhannya.